

1103

**SULIT
1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Ogos/September
2015
2½ jam**

2½ jam



1103/2

MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2015

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

[Lihat halaman sebelah

SULIT

SULIT

2

1103/2

Markah Penuh : 110

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- (a) Isi - 20 markah
(b) Bahasa - 10 markah

Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i) Pendahuluan										2
(ii) Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
(iii) Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup/Kesimpulan										2
	Jumlah Markah									20

SULIT

3

1103/2

(b) **Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 9	- Kesinambungan isi baik. - Struktur ayat/ tatabahasa baik. - Kosa kata luas. - Tanda bacaan/ ejaan betul.
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 6	- Kesinambungan isi masih baik. - Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan. - Kosa kata masih memuaskan. - Tanda bacaan/ ejaan juga memuaskan.
Lemah	1 - 7	1 - 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan.

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah lagi**.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan

Petikan membincangkan langkah-langkah / inisiatif-inisiatif / cara-cara memerangi kejadian jenayah di Malaysia / di negara ini / pada masa ini / kini.

2

Rumusan ini membincangkan langkah-langkah / inisiatif-inisiatif / cara-cara memerangi kejadian jenayah **dan**kekangan-kekangan untuk memeranginya.

2

* telah diimplementasikan dalam penandaan SPM 2014

Petikan membincangkan langkah-langkah / inisiatif-inisiatif / cara-cara memerangi kejadian jenayah.

1

Petikan membincangkan usaha-usaha memerangi kejadian jenayah dan kekangan-kekangan untuk memeranginya

0

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]:

Usaha-usaha memerangi kejadian jenayah...

- | | | |
|-----|--|---|
| S1 | PDRM akan mempertingkatkan penguatkuasaan keselamatan. | 2 |
| S2 | Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan mempertingkatkan penguatkuasaan kawalan keluar masuk di sempadan (Kelantan – Thailand) | 2 |
| S3 | Polis Diraja Malaysia juga telah mewujudkan Unit Risikan Bersepadu (sebagai pusat pengumpulan dan risikan jenayah). | 2 |
| S4 | Pihak polis dan KDN turut mengkaji cadangan mewujudkan talian khas kecemasan (yang disambungkan terus ke Bukit Aman). | 2 |
| S5 | Sebuah jawatankuasa kecil khususnya melibatkan soal perundangan telah diwujudkan. | 2 |
| S6 | Kerajaan melaksanakan Program Transformasi Kerajaan yang bermula sejak tahun 2009. | 2 |
| S7 | Polis Diraja Malaysia juga mengambil inisiatif mewujudkan Unit Rondaan Bermotosikal. | 2 |
| S8 | Kerajaan juga menambah peruntukan untuk menyediakan Kamera Litar Tertutup. | 2 |
| S9 | Pihak polis mempraktikkan konsep 3K iaitu kolaboratif, kreativiti dan komunikasi. | 2 |
| S10 | Masyarakat berperanan sebagai rakan dalam usaha membanteras jenayah. | 2 |

Isi Tersirat [4 hingga 12]

Kekangan-kekangan untuk memeranginya...

- | | | |
|----|---|---|
| T1 | Masyarakat tidak menyokong usaha/ hilang kepercayaan kepada pihak kerajaan. | 2 |
| T2 | Berlaku penyelewengan /rasuah oleh pihak berkuasa. | 2 |
| T3 | Masyarakat tidak prihatin dengan isu jenayah. | 2 |
| T4 | Pelaksanaan kempen memerangi jenayah tidak konsisten / bermusim. | 2 |
| T5 | Perairan Malaysia sangat luas hingga menyukarkan kawalan pihak berkuasa. | 2 |
| T6 | Tiada ketegasan dan kesungguhan pihak berkuasa untuk membanteras jenayah. | 2 |
| T7 | Lambakan aksi ganas dalam filem dan media elektronik. | 2 |
| T8 | Tiada kerjasama daripada pihak keselamatan negara jiran. | 2 |

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Penutup

Kesimpulannya, pihak berkuasa perlulah memperkasakan usaha memerangi jenayah agar masyarakat dapat hidup dalam suasana yang aman. 2

Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama untuk memerangi jenayah agar dapat melahirkan negara yang aman/sejahtera. 2

Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama untuk memerangi jenayah. 1

Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama dalam mengatasi masalah ini.
(tidak menyebut tema) *0

Soalan 2

[S] ayat A] tulis T isi

Markah penuh 35 markah dibahagi kepada :

- Soalan 2 (a) : 9 markah
Soalan 2 (b) : 9 markah
Soalan 2 (c) : 8 markah
Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga soalan 2 (d).

- (1) Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
(2) Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
(3) Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, **berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis	2
-jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
-jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-isi cukup dengan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
-isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat yang kurang gramatis	2
-isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat yang gramatis	
-isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat yang kurang gramatis	1
-isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
-isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
-isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat yang kurang gramatis	3
-isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
-isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat yang kurang gramatis	1
-isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum **Markah**

- (i) **Maksud rangkai kata mempraktikkan konsep.** 2
- mengamalkan/melaksanakan/menjalankan/melakukan idea/gagasan
- [Maksimum : 2 markah]**

- (ii) **Sebab-sebab berlakunya kejadian jenayah** 1
1
1
- Kebanjiran masuk warga asing ke negara ini.
 - Faktor pemansuhan Ordinan Darurat (EO)
 - Pemerolehan senjata api dengan cara yang mudah kerana kedudukan Malaysia bersempadan dengan Thailand
- [Maksimum : 3 markah]**

Terima 2 isi sahaja

- (iii) **kesan-kesan yang akan berlaku sekiranya kes jenayah ini tidak ditangani** 1+1
1+1
1+1
1+1
- Masyarakat hidup dalam ketakutan kerana kes jenayah semakin berleluasa.
 - Sektor pelancongan terjejas kerana tiada jaminan aspek keselamatan.
 - Ekonomi negara akan merosot kerana gagal menarik minat pelabur.
 - Imej negara di mata dunia tercalar kerana kerajaan gagal mengawal kejadian jenayah.

[Maksimum : 4 markah]

***Jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai**

Soalan 2 (b): Cerpen

- (i) **Kesan-kesan yang akan berlaku jika taman nasional tersebut meletup**
(isi cukup – 2)

- lahar panasnya terpelanting jauh ke atmosfera 1
- kemudian jatuh entah ke mana 1
- mereka juga akan terpelanting lebur 1
- dan berkecaci entah di mana 1

[Maksimum: 2 markah]

- (ii) **Persediaan yang perlu dilakukan bagi menghadapi bencana alam**
(isi cukup – 2)

- Menyimpan semua dokumen penting di tempat selamat. 1
- Mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa supaya berpindah. 1
- Memastikan keselamatan ahli keluarga sebelum bencana berlaku. 1
- Pihak kerajaan menyediakan tempat perpindahan yang berpusat supaya pemantauan lebih mudah dilakukan. 1
- Pihak kerajaan memaksimumkan tenaga semua pasukan keselamatan bagi membantu mangsa. 1

*Jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai

[Maksimum: 3 markah]

- (iii) **Satu perwatakan Hawa yang terdapat dalam petikan cerpen dan satu perwatakannya yang lain yang tidak terdapat dalam petikan**

Dalam petikan :-

- Berani – tinggal di Yellowstone walaupun tempat tersebut diramalkan akan meletup. 1+1
- Amanah / bertanggungjawab – mempertahankan warisan Ahmad Abdullah di Taman Nasional Yellowstone. 1+1

* Terima 1 isi sahaja

[Maksimum : 2 markah]

Luar petikan:-

- Penyayang – menyayangi suami dan anak dalam kandungannya. 1+1
- Tabah – terus berjuang memajukan tempat tersebut walaupun bersendirian. 1+1

* Terima 1 isi sahaja

[Maksimum : 2 markah]

Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Tradisional

(i) **Maksud putus bicara...**

- habis/tamat berbincang/berunding/bermesyuarat/bermuafakat 2
- mencapai kata sepakat/persetujuan 2
- tamat/ habis bicara 1
- tamat/habis berkata-kata/berbual-bual/bercakap-cakap 0

[Maksimum: 2 markah]

(ii) **Antara kesan yang berlaku akibat daripada perang antara Raja Muhammad dengan Raja Ahmad**

(isi cukup – 2)

- banyak askar yang mati dan luka/cedera 1
- Raja Muhammad dan Raja Ahmad mati dalam perang 1
- saki baki rakyat yang masih hidup mengaku akan taat setia kepada Merah Silu dan Merah Hasum 1
- Merah Silu dan Merah Hasum tinggal dua bersaudara sahaja 1

[Maksimum: 3 markah]

(iii) **Langkah-langkah yang wajar dilakukan oleh pemimpin sesebuah negara untuk menyelesaikan konflik negaranya dengan negara lain**

(isi cukup – 2)

- mengadakan rundingan dengan negara yang bersengketa 1
- melantik orang tengah untuk mendamaikan kedua-dua pihak 1
- mengadakan gencatan senjata 1
- mengadakan perjanjian perdamaian 1

[Maksimum: 3 markah]

* jawapan lain yang sesuai boleh diterima

Soalan 2 (d): Syair

- (i) **Maksud rangkap tersebut ialah...**

Laksamana keberatan/ berat hati untuk meninggalkan ibu saudaranya yang terlantar sakit/tenat/gering [Maksimum: 2 markah]

- (ii) **Laksamana sanggup melaksanakan tugas seperti yang dititahkan oleh Betara:**
(isi cukup – 2)

- amanah yang harus dipikul demi keamanan negara 1
- sudah ada orang yang dapat menjaga emak saudara yang sakit 1
- mengutamakan keselamatan dan keadilan negara 1
- sebagai lambang kesetiaan dan kepatuhan kepada ketua/ tidak mahu dianggap menderhaka 1

* Jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai
[Maksimum: 3 markah]

- (iii) **Dua nilai:**

- nilai kesetiaan – Laksamana setia kepada pemerintah dan negara 1+1
- nilai kasih sayang – Laksamana sayang akan emak saudaranya yang sedang sakit 1+1
- nilai amanah – Laksamana sanggup ke Patani untuk mendapatkan panji negara 1+1
- nilai patriotik – Laksamana sanggup meninggalkan bondanya yang sedang sakit demi negara. 1+1
- nilai keberanian – Laksamana berani ke Patani demi memastikan negerinya terpelihara. 1+1
- nilai keadilan – Laksamana sanggup ke Patani untuk mendapatkan cogan Raja Senggora demi keadilan kepada rakyatnya. 1+1
- nilai pengorbanan – Laksamana sanggup berkorban meninggalkan emak saudaranya yang sakit kerana taat akan perintah Betara. 1+1

* Jika calon memberi nilai tanpa huraian 1
* Jika huraian tanpa nilai 0

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada :

- Soalan 3 (a) : 6 markah
- Soalan 3 (b) : 6 markah
- Soalan 3 (c) : 6 markah
- Soalan 3(d) : 6 markah
- Soalan 3 (e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.

Jawapan 3 (a)

- (i) lasykar - askar, serdadu
- (ii) bahtera - kapal besar
- (iii) masyghul - berasa dukacita kerana sesuatu, susah hati, murung, sedih
 kesal hati, sebal hati.
- (iv) makam - kubur (digunakan untuk orang yang dihormati seperti nabi,
 para wali, keluarga diraja dan sebagainya)
- (v) gering - sakit, uzur
- (vi) singgahsana - kerusi kerajaan(tempat raja bersemayam), takhta

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 (b)

- (i) Ayat aktif tak transitif
- (ii) Ayat aktif tak transitif
- (iii) Ayat aktif transitif
- (iv) Ayat aktif transitif
- (v) Ayat aktif transitif
- (vi) Ayat aktif tak transitif

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 (c)

- | | | |
|-------|--------------------------|------------------------------|
| (i) | pra-bayar
meletakan | - prabayar
- meletakkan |
| (ii) | letrik
memperkuuhkan | - elektrik
- memperkuuh |
| (iii) | antara bangsa
dijalin | - antarabangsa
- terjalin |

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 (d)

- | | | | |
|-------|-----------------------------------|---|----------------------------------|
| (i) | di
berulang-ulang | - pada
berturut-turut | (tatabahasa)
(kata/ istilah) |
| (ii) | komuniti
golongan para | - komoditi
golongan/para | (kata / istilah)
(tatabahasa) |
| (iii) | dikerat
teramat panjang sangat | - dipotong / digunting
teramat panjang /
panjang sangat | (kata / istilah)
(tatabahasa) |

[Maksimum: 6 markah]



Soalan 3 (e)

- (i) bagai aur dengan tebing/ bulat air kerana pembetung bulat manusia/kata kerana muafakat
- (ii) di mana ada kemahuan di situ ada jalan / rajin dan usaha tangga kejayaan/ kalau tak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya
- (iii) seperti kacang lupakan kulit/ ulat lupakan daun

[Maksimum: 6 markah]

Panduan pemarkahan bagi soalan 4.

- (a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap.
iii) Beri 1 markah bagi setiap pernyataan yang betul.
iv) Beri 1 markah bagi setiap huraian yang betul.
v) Markah isi maksimum 4 markah.
vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.
vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.

Baik : 3 markah
Sederhana : 2 markah
Lemah : 1 markah

- viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
ix) Jika pernyataan isi betul tetapi huraian salah, beri 1 markah untuk pernyataan.
x) Jika pernyataan isi tiada/salah tetapi huraian betul, beri 0 markah.
xi) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 7 markah]

- (b) i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
iii) Beri 1 markah untuk 1 pernyataan saspens.
iv) Beri 1 markah untuk huraian pernyataan.
v) Beri 1 markah untuk contoh peristiwa.
vi) Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap pernyataan dan huraian teknik saspens).
vii) Markah bahasa maksimum 2.
viii) Markah bahasa diberi secara *impression*.

Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah

- ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
x) Jika pernyataan isi betul tetapi huraian salah, beri 1 markah untuk pernyataan.
xi) Jika pernyataan isi tiada/salah tetapi huraian betul, beri 0 markah.
xii) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 4 (a)

Berdasarkan sebuah novel, dua peristiwa yang menunjukkan usaha watak-watak saling membantu dalam menyelesaikan masalah.

Novel	Pernyataan (1m)	Huraian (1m)
Papa...(akhirnya kau tewas jua!)	Peristiwa membantu menjaga ahli keluarga yang terlantar koma.	Julia membantu papanya Jefri menjaga mama yang koma selama tiga tahun. Setiap kali balik dari sekolah, Julia membantu Papa menjaga dan merawat mama.
	Peristiwa membantu menjaga anak kecil yang baru dilahirkan.	Makcik Noraini membantu Jefri menjaga Julia semasa bayi lagi kerana mama mengalami komplikasi semasa melahirkan Julia.
	Peristiwa membantu meringankan beban kesengsaraan hidup.	Jefri membantu Makcik Noraini dengan mengajaknya tinggal bersama-sama setelah suami dan anaknya terlibat dalam kemalangan jalan raya.
	Peristiwa membantu sahabat meredakan konflik diri.	Julia membantu Rasylan meredakan konflik yang berkaitan identiti dirinya.
Konserto Terakhir	Peristiwa membantu seseorang mengembangkan bakat dan minat dalam bidang muzik.	Mamat memperkenalkan Hilmi kepada Encik Bakar setelah mendapat tahu bahawa Hilmi berminat dalam bidang muzik.
	Peristiwa membantu seseorang mendapatkan pekerjaan.	Datuk Johari membantu Hilmi dengan memberikan pekerjaan sebagai tukang kebun di rumahnya setelah gagal mendapatkan pekerjaan untuk Hilmi.
	Peristiwa membantu mengasah bakat seseorang sehingga berjaya.	Encik Bakar mengajar Hilmi bermain alat muzik tanpa sebarang bayaran sehingga Hilmi berjaya menjadi pemuzik terkenal.
	Peristiwa membantu menjaga nama baik keluarga.	Pak Karim sanggup berkahwin dengan ibu Hilmi setelah ditinggalkan Datuk Johari demi maruah keluarga dan masa depan Hilmi.

Azfa Hanani	Peristiwa membantu mengubah personaliti.	Kak Syafinaz dan abang Mazran membantu Azfa Hanani mengubah identiti dan personalitinya supaya menjadi Tengku Murni.
	Peristiwa membantu memulihkan penyakit orang lain.	Azfa Hanani memulihkan penyakit kemurungan yang dialami oleh Datin Maziah akibat kematian anak kesayangannya Tengku Murni.
	Peristiwa membantu meringankan beban keluarga / masalah kewangan keluarga.	Tengku Mazran dan Kak Syafinaz telah menunaikan janjinya untuk membantu Zuraini untuk mendapatkan rawatan ke luar negara setelah Azfa Hanani berjaya memulihkan penyakit Datin Maziah.
	Peristiwa membantu memudahkan urusan orang lain.	Tengku Muzaffar membina semula gerai burger Ekran setelah dimusnahkannya akibat daripada sikap panas barannya sebelum ini.
Kembara Amira	Peristiwa membantu mencari rakan yang hilang.	Amira, Itai dan Jacinta saling bekerjasama membantu mencari rakan mereka iaitu Malique yang hilang ketika kemalangan jalan raya.
	Peristiwa membantu dalam kajian penyelidikan kewujudan tamadun awal manusia.	Profesor Zaidah telah dibantu oleh Dr. Zawawi dan pelajar-pelajar universitinya dalam ekskavasi menjelajah kewujudan tamadun awal manusia di Bukit Mat Raya.
	Peristiwa membantu rakan yang terlibat dalam kemalangan / kecelakaan.	Pak Lias dan Itai membantu merawat luka Profesor Zaidah yang terlibat dalam kemalangan. Itai dan Tau membantu menyelamatkan Amira yang telah tergelincir ke dalam sungai. Ayah Ludin dan Tau telah menyelamatkan Jennifer/ Ipah ketika pesawat yang dinaiki oleh keluarga Jennifer terhempas ke dalam hutan.
	Peristiwa membantu menjaga keselamatan orang lain.	Tau sanggup berjaga pada waktu malam di kawasan Desa Karpus semata-mata untuk menjaga keselamatan penghuni yang sedang menjalankan penyelidikan di kawasan itu.

Renyah	Peristiwa membantu menyelesaikan masalah anak.	Datuk Dolhi mengikat jamin Hasnol yang ditahan pihak polis di lapangan terbang kerana terlibat dengan kes rasuah. Datuk Dolhi menghantar Dani ke Pusat Serenti. Datuk Dolhi menghantar Mukhlis ke rumah sakit mental.
	Peristiwa membantu menyelesaikan masalah syarikat.	Wahi menerima pelantikan sebagai pengganti Datuk Dolhi untuk membantu menyelesaikan masalah syarikat Dolhi-Albert yang mengalami kerugian.
	Peristiwa membantu menyelesaikan masalah kewangan anak.	Datin Tominah meminjamkan wang kepada Hasnol yang sering kesempitan kerana gaya hidupnya yang mewah.
Sutera dalam Lukisan	Peristiwa membantu memulihkan tekanan jiwa yang dialami oleh seseorang.	Adila berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk membantu memulihkan penyakit jiwa yang dialami oleh Bujei kerana tekanan hidup yang dialaminya selepas kematian ibu bapa dan neneknya.
	Peristiwa membantu menyelesaikan masalah anak buah.	Sidang Saman membantu meleraikan percaduhan antara Bujei dan Alias. Alias yang suka membuli telah merosakkan radio baharu milik Bujei. Sidang Saman mengarahkan Alias membayar ganti rugi RM 80.00.
	Peristiwa membantu menguruskan kewangan.	Wak Senen membantu menyimpan wang hasil sewaan tanah pusaka milik Bujei bagi mengelakkan wang tersebut diambil oleh Harun.
Melunas Rindu	Peristiwa membantu mencari ibu kandung.	Fuad gigih berusaha mencari saudara mara sebelah ibunya di Lembah Klau untuk mengesan pusara ibunya. Dengan bantuan Pak Ngah Lias dan Pak Samsudin, Fuad mendapat petunjuk bahawa ibunya masih hidup kerana pusaranya tidak ditemui sehingga kini.

	Peristiwa membantu mengendalikan program peningkatan.	Fuad menghadapi cabaran untuk meningkatkan prestasi pencapaian bahasa Inggeris dalam kalangan anak didiknya. Sebagai contoh, Fuad dan Farhana telah merancang Program mentor-mentee dan <i>English Personal Guidance</i> untuk mendidik anak muridnya agar mampu menguasai bahasa Inggeris dengan baik.
	Peristiwa membantu menyelesaikan masalah kesempitan wang.	Keluarga bapa saudara Fuad iaitu Peter Lim dan isterinya Swee Lan berada dalam kesempitan kerana Peter Lim sakit dan tidak boleh bekerja.
Kabus di Perbukitan	Peristiwa membantu mencari anak yang hilang.	Mejar (B) Kamarudin dan Buyung meredah hutan menuju ke Bukit Kutu. Mejar (B) Kamarudin mendengar racauan Rahayu yang menyebut nama Bukit Kutu dan Sungai Kubu.
	Peristiwa membantu merealisasikan cita-cita/hasrat.	Rahayu bercita-cita untuk membuka perniagaan yang berdasarkan pertanian bersama-sama dengan Azrul. Cita-cita tingginya terserlah apabila dia meminta Azrul meneruskan hasrat tersebut walaupun dia telah meninggal dunia.
	Peristiwa membantu orang asing.	Masyarakat orang Asli yang diketuai oleh Tuk Batin Senik telah menyelamatkan Faridah dan Iqbal apabila mereka mendapati Faridah dan Iqbal merayau-rayau di tepi Sungai Dua.

Soalan 4 (b)

Unsur saspens yang dikemukakan oleh pengarang adalah untuk menimbulkan minat dalam diri pembaca agar meneruskan pembacaan mereka.

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari,uraikan **satu peristiwa** yang menunjukkan unsur saspens dalam novel tersebut.

Novel	Pernyataan 1st (1m)	Contoh peristiwa (1m)	Huraian (1m)
Azfa Hanani	Peristiwa dipanggil ke bilik pengetua.	Azfa Hanani diarahkan ke bilik pengetua kerana pada sangkaannya dia dipanggil kerana kesalahannya mencuri buku perpustakaan akibat kemiskinan hidupnya.	Pembaca tertanya-tanya tentang hukuman yang akan dikenakan terhadap Azfa Hanani. Hakikatnya, Azfa Hanani ingin ditemui oleh sepasang suami isteri yang ingin meminta pertolongannya.
	Peristiwa detik pertemuan kali pertama.	Azfa Hanani bertemu dengan Datin Maziah selepas diajar oleh Tengku Mazran dan isterinya, Syafinaz untuk menyamar menjadi Tengku Murni yang telah meninggal dunia.	Pembaca tertanya-tanya sama ada Azfa Hanani berjaya melaksanakan tugas penyamaran sebagai Tengku Murni. Ternyata Azfa Hanani berjaya kerana Datin Maziah percaya Azfa ialah anaknya yang telah mati.
	Peristiwa terbongkarnya penyamaran.	Datin Maziah mengetahui penyamaran Azfa Hanani setelah mendengar pergaduhan antara Azfa Hanani dengan anaknya Tengku Muzaffar.	Pembaca tertanya-tanya tentang perkara yang akan berlaku seterusnya kepada Azfa Hanani.

Kembara Amira	Peristiwa berhadapan dengan makhluk berbulu.	Amira dan Itai berhadapan dengan makhluk berbulu yang ditakuti oleh penghuni rimba ketika mencari sebutir emas untuk Jacinta.	Pembaca bertanya-tanya sama ada Amira dan Itai berjaya menyelamatkan diri daripada makhluk tersebut atau tidak. Mereka berdua berjaya menyelamatkan diri kerana makhluk itu ingin memburu pencari emas.
	Peristiwa kemalangan di lereng bukit.	Malique terjatuh ke dalam gaung apabila aliran lumpur menolak kereta yang dinaikinya.	Pembaca bertanya-tanya sama ada Malique terselamat dalam peristiwa tersebut atau sebaliknya. Malique yang cedera telah diselamatkan oleh orang Asli.
	Peristiwa terjatuh ke dalam sungai.	Amira terjatuh ke dalam sungai setelah tergelincir dari batu yang licin.	Pembaca bertanya-tanya sama ada Amira selamat daripada kemalangan tersebut.
	Peristiwa kehilangan sahabat karib ketika di dalam hutan.	Jacinta telah hilang ketika cuba hendak menyelamatkan Amira yang telah terjatuh ke dalam sungai.	Pembaca bertanya-tanya sama ada Jacinta terselamat dalam kejadian itu.
	Peristiwa penculikan oleh makhluk berbulu.	Malique telah diculik oleh makhluk berbulu dan disembunyikan di dalam gua.	Pembaca bertanya-tanya nasib yang akan dialami oleh Malique apabila disembunyikan oleh makhluk berbulu.
Renyah	Peristiwa memberitahu rahsia yang disimpan sekian lama.	Datuk Dolhi telah membuka rahsia yang disimpannya selama ini kepada Datin Tominah dan anak-anaknya iaitu Wahi ialah anak kandungnya hasil perkahwinannya dengan Mastura.	Pembaca bertanya-tanya reaksi Datin Tominah setelah mengetahui perkara itu.

	Peristiwa berhenti kerja secara tiba-tiba	Orang gaji Datin Tominah iaitu Inem telah berhenti kerja secara tiba-tiba. Inem juga menghantar surat yang menyatakan sebab dia berhenti bekerja.	Pembaca bertanya-tanya sebab Inem bertindak sedemikian memandangkan dia sudah lama bekerja dengan Datin Tominah.
	Peristiwa menerima jambangan bunga daripada peminat misteri	Amera telah menerima jambangan bunga daripada seseorang tanpa memberitahu orang yang mengirim jambangan bunga itu.	Pembaca bertanya-tanya individu yang telah mengirim jambangan bunga itu kerana Amera tidak mempunyai teman lelaki istimewa.
Sutera dalam Lukisan	Peristiwa kebakaran negeri yang berlaku kepada ibu watak utama.	Fatimah, ibu Bujei terperangkap dalam kebakaran setelah Harun, bapa tiri Bujei menendang pelita yang menyebabkan rumah mereka terbakar dan Bujei cuba menyelamatkan ibunya setelah melihat Harun langsung tidak cuba menyelamatkan Fatimah.	Pembaca bertanya-tanya sama ada Fatimah terselamat atau terkorban dalam kebakaran tersebut.
	Peristiwa tindakan berani melawan orang yang sering membuli golongan yang lemah.	Alias telah merosakkan radio yang baru dibeli oleh Bujei.	Pembaca bertanya-tanya tindakan Bujei kepada Alias yang telah merosakkan radio yang baru dibelinnya.
	Peristiwa perbuatan memfitnah seseorang dengan tuduhan menghidapi penyakit berbahaya.	Alias memfitnah Adila dengan mengatakan Adila menghidapi penyakit AIDS bagi menghalang Bujei terus rapat dengan Adila.	Pembaca bertanya-tanya tentang kesudahan hubungan antara Bujei dan Adila akibat fitnah yang dilemparkan.

Papa...(akhirnya kau tewas jua)	Peristiwa mengenakan ubat pengasih untuk memikat hati wanita.	Alias menggunakan khidmat bomoh untuk memikat hati Adila dengan mengenakan ubat pengasih.	Pembaca bertanya-tanya sama ada tindakan Alias itu berjaya atau tidak.
	Peristiwa menyanyi di majlis perkahwinan	Semasa majlis perkahwinan Sameah, juruacara telah memanggil Bujei untuk menyampaikan sebuah lagu.	Pembaca bertanya-tanya sama ada Bujei mampu menyanyi di hadapan khalayak.
	Peristiwa ketika menunggu kelahiran di luar bilik bedah HUKM.	Intan Maliana telah dikehjarkan ke HUKM kerana sakit hendak melahirkan anak keduanya.	Pembaca bertanya-tanya sama ada Intan Maliana dan bayi yang dikandungnya akan selamat atau sebaliknya kerana Intan Maliana pernah mengalami komplikasi ketika melahirkan Julia.
	Peristiwa ketika dilarang meneruskan persahabatan	Jeffri telah melarang Julia daripada terus bersahabat dengan Rasylan.	Pembaca bertanya-tanya sama ada Julia akan akur terhadap larangan tersebut.
	Peristiwa ketika melihat ayahnya bersama-sama dengan seorang wanita lain.	Julia ternampak papanya minum di kafe Starbuck dengan seorang wanita.	Pembaca bertanya-tanya hubungan antara Jeffri antara Aisyah.
Konserto Terakhir	Peristiwa ketika malam pertunjukan orkes perdana.	Pengarah RTM mencari Hilmi kerana pertunjukan orkes perdana hampir bermula.	Pembaca bertanya-tanya sebab Hilmi tidak datang ke pertunjukan tersebut.
	Peristiwa seseorang ingin memberitahu suatu rahsia yang disembunyikan sebelum ini.	Pak Karim memberitahu Datuk Johari bahawa terdapat satu rahsia yang ingin disampaikannya.	Pembaca bertanya-tanya rahsia yang ingin didekah oleh Pak Karim dan kaitannya dengan Hilmi.

	Peristiwa apabila seseorang hampir berputus asa untuk meneruskan hidupnya di bandar.	Hilmi mengambil keputusan untuk pulang ke kampung setelah kecewa dengan layanan daripada Datin Salmah	Pembaca bertanya-tanya akan masa depan Hilmi dalam bidang muzik.
Melunas Rindu	Peristiwa pertengkaran rakan sejawat	Pertengkaran hebat telah berlaku apabila Farhana menuduh Cikgu Zamani tidak masuk ke kelas .	Pembaca bertanya-tanya sama ada mereka berdua ini boleh berbaik-baik semula.
	Peristiwa tawaran menjadi guru sandaran	Cikgu Abas telah datang ke kebun Fuad untuk menawarkan Fuad jawatan guru sandaran tidak terlatih bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Seri Setia (SMSS).	Pembaca bertanya-tanya sama ada Fuad bersetuju menjadi guru sandaran di sekolah Cikgu Abas.
	Peristiwa menerima wang daripada sumber yang tidak diketahui.	Fuad memeriksa baki wang simpanannya di mesin ATM yang berhampiran.Fuad sedikit terkejut apabila melihat baki wangnya yang berjumlah RM 200,000.00.	Pembaca bertanya-tanya pemberi wang tersebut dan sama ada Fuad menggunakan wang tersebut atau tidak.
Kabus di Perbukitan	Peristiwa kemalangan yang mengerikan.	Faridah dan Iqbal mengalami kemalangan tanpa meninggalkan sebarang jejak.	Pembaca bertanya-tanya kejadian yang telah menimpa Faridah dan Iqbal sehingga sukar dikesan oleh pihak berkuasa.
	Peristiwa melarikan diri daripada pihak berkuasa.	Benny yang terlibat dalam gerakan perjuangan Islam yang ekstrim enggan menyerah diri lalu melarikan diri ke Dubai.	Pembaca bertanya-tanya nasib Melina selepas itu kerana kehilangan Benny tidak dapat dikesan.

	Peristiwa kehilangan orang yang tersayang.	Peristiwa Faridah yang terpaksa menempuh kehilangan suaminya, Ghazali akibat kemalangan jalan raya dan juga ibunya.	Pembaca ingin tahu keadaan Faridah selepas menerima kematian Ghazali. Faridah hampir menjadi gila hingga menyebabkan dia membawa dirinya ke New Zealand.
--	--	---	--

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

<http://cikgusazali.blogspot.com>

Soalan 2 (b): Cerpen

- (i) **Kesan-kesan yang akan berlaku jika taman nasional tersebut meletup**
(isi cukup – 2)

- lahar panasnya terpelanting jauh ke atmosfera 1
- kemudian jatuh entah ke mana 1
- mereka juga akan terpelanting lebur 1
- dan berkecaci entah di mana 1

[Maksimum: 2 markah]

- (ii) **Persediaan yang perlu dilakukan bagi menghadapi bencana alam**
(isi cukup – 2)

- Menyimpan semua dokumen penting di tempat selamat. 1
- Mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa supaya berpindah. 1
- Memastikan keselamatan ahli keluarga sebelum bencana berlaku. 1
- Pihak kerajaan menyediakan tempat perpindahan yang berpusat supaya pemantauan lebih mudah dilakukan. 1
- Pihak kerajaan memaksimumkan tenaga semua pasukan keselamatan bagi membantu mangsa. 1

*Jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai

[Maksimum: 3 markah]

- (iii) **Satu perwatakan Hawa yang terdapat dalam petikan cerpen dan satu perwatakannya yang lain yang tidak terdapat dalam petikan**

Dalam petikan :-

- Berani – tinggal di Yellowstone walaupun tempat tersebut diramalkan akan meletup. 1+1
- Amanah / bertanggungjawab – mempertahankan warisan Ahmad Abdullah di Taman Nasional Yellowstone. 1+1

* Terima 1 isi sahaja

[Maksimum : 2 markah]

Luar petikan:-

- Penyayang – menyayangi suami dan anak dalam kandungannya. 1+1
- Tabah – terus berjuang memajukan tempat tersebut walaupun bersendirian. 1+1

* Terima 1 isi sahaja

[Maksimum : 2 markah]